

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BHB, BANK ISLAM AGIH SUMBANGAN RM1.6 JUTA BAGI USAHA TANGANI WABAK COVID-19

Dana sokongan bagi keperluan anggota barisan hadapan dan masyarakat kurang berkemampuan

KUALA LUMPUR, Ahad, [5 April 2020]: Bimb Holdings Berhad ("BHB") bersama anak syarikat milik penuhnya, Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam atau Bank") hari ini mengumumkan sumbangan berjumlah RM1.6 juta untuk menyokong usaha kemanusiaan dan berkaitan perubatan dalam menangani pandemik COVID-19.

BHB menyumbang RM1.0 juta kepada Tabung #MusaadahCOVID-19 yang dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Tabung tersebut bertujuan memberikan bantuan kepada petugas barisan hadapan Islam dan bukan Islam yang terjejas teruk akibat wabak berkenaan. Sumbangan telah disampaikan kepada YB Senator Dato' Seri Dr Haji Zulkifli Mohammad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 30 Mac lalu.

Sementara itu, Bank Islam, menerusi cabang tanggungjawab korporatnya, AMAL, turut menyediakan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk inisiatif-inisiatif berikut:

- i. Bantuan kewangan kepada usahawan mikro yang perniagaannya terjejas teruk akibat pandemik.
- ii. Sokongan Bantuan Langsung yang akan digunakan untuk menyalurkan bantuan makanan dan barangan keperluan kepada universiti, rumah anak yatim, rumah orang tua dan orang kelainan upaya (OKU), serta keperluan asas perubatan kepada hospital dan klinik kesihatan daerah.
- iii. Pembelian barangan keperluan untuk hospital-hospital di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif BHB dan Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, adalah menjadi amanah kami untuk menjaga kesejahteraan pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat setempat. COVID-19 telah memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan dan kebajikan masyarakat dan aktiviti ekonomi di seluruh dunia, lebih-lebih lagi terhadap pengamal perubatan dan usahawan mikro. Sumbangan sebanyak RM1.6 juta ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk membantu masyarakat terjejas dan kurang bernasib baik yang menerima kesan signifikan ekoran pandemik ini. Melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, kami berharap ia dapat meringankan beban semua pihak yang terlibat."

Mengenai BIMB Holdings Berhad

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegangan Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
---	---